



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 20

24hb September 1998

TAMBAHAN No.6
PERUNDANGAN

Sel. P.U. 12.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG AJARAN SULAIMAN (BAHTERA NABI NOH)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

En. 2/1989.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

FATWA ON AJARAN SULAIMAN (BAHTERA NABI NOH)

In exercise of the powers conferred by subsection 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989, the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

1. Ajaran dan amalan Sulaiman (Bahtera Nabi Noh) didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang-orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu.
2. Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan Ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh) di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata' alla.

3. Antara ciri-ciri ajaran itu :

(a) Mendakwa

- (i) Diri sebagai Nabi Isa dan akan muncul semula
 - (ii) Mendapat ajaran Al-Quran terus dari Allah.
 - (iii) Akan diadakan pertemuan empat umat ahli Muhammad iaitu :
 - (a) Nabi Ibrahim (orang Arab)
 - (b) Nabi Noh (orang melayu)
 - (c) Ali Imran (orang Inggeris dan Jerman)
 - (d) Nabi Musa (orang Israel)
 - (e) Para Nabi, Rasul dan Wali Allah
 - (iv) Nabi Adam dan Nabi Isa adalah roh yang sama.
 - (v) Akan berlaku banjir di Daerah Klang. Lalu mendirikan bangunan berbentuk bahtera sebagai mengikut suruhan Nabi Noh.
 - (vi) Kitab Al-Quran terjemahan A. Hassan (Bandung) sahaja yang menepati kehendak Islam dan diakui oleh Nabi Ibrahim.
 - (vii) Mendapat petunjuk dari langit dan mimpi bahawa kumpulan ini sahaja mengamalkan ajaran Islam sebenar.
 - (viii) Laungan lagu Asma Ul Husna akan disiarkan di Mekah suatu ketika nanti sebagai pengiktirafan dari Rasulullah dan akan disaksikan oleh para Nabi, Rasul dan Syuhadak. Selepas itu Nabi, Rasul akan masuk kumpulan ini.
- (b) Menuduh semua Ulama' di Malaysia tidak betul dan hanya kumpulan ini sahaja yang mengamalkan ajaran Islam sebenar seperti amalan solat.
- (c) Solat Zuhur dan Asar boleh dijamakkan ketika bertugas untuk kepentingan kumpulan ini mendirikan bangunan.
- (d) Semua wang yang dibelanjakan dalam kumpulan ini hendaklah dibelanjakan dengan niat Fisabilillah dan sebagai zakat.
- (e) Merahsiakan pergerakan dan ajaran kumpulan ini. Mereka yang ingkar dianggap munafiq.
- (f) Menggunakan khadam (jin) bernama Mr. Programer untuk membantu dalam segala urusan dan tindakan.
- (g) Mengamalkan zikir-zikir seperti berikut :
- (a) Lafaz sebelum menunaikan solat (ketika berdiri tegak) dibaca lafaz yang bermaksud :

شكرا كثيرا ورحمة الله وبركاته

“Demi engkau Tuhan kami, Ya Allah, izinkan aku melaksanakan persembahan perintah sembahyang fardhu kerana menyembahmu, serta tunduk sujud berserah menyerah dari kepadamu, dengan maksud berlafazan kami, dan contoh Sunnah Rasulullah S.A.W.

- (b) Selepas sembahyang diucapkan terima kasih : kemudian *beristighfar* memohon keampunan di atas kesilapan diri iaitu :

أستغفر الله العظيم
لا اله الا انت سبحانك انى كنت من الظالمين

- (c) Doa dan zikir adalah persembahan. Sebelum persembahan mesti ada pembukaan. Pembukaannya ialah dengan membaca Al-Quran, surah Al-Imran ayat 18 :

١. شهد الله انه الخ
٢. ان الله وملائكته صلوا الخ

Kemudian baru dibaca Al-Fatihah.

- (d) Zikir memuji kerajaan Allah ialah :

- (i) إن الله قوی عزیز
(ii) يا مالك الملك
(iii) يا عزيز العظيم
(iv) يا ربنا الله إن لله وإنا اليه راجعون
(v) هو الله احد الخ

- (e) Zikir memohon kesihatan, kekuatan, kegagahan tubuh badan ialah :

- (i) سبح لله ما فى الخ الحديد ١
(ii) يا ربنا الله إن لله وإنا اليه راجعون
(iii) إن الله لهو العزيز الحكيم

(iv)

• هو الاول والاءخر واطاهر
والباطل..... الخ الحديد ا ٢

Dibuat pada 19 Februari 1998

Made the 19 February 1998

[JAI. Sel. 8070/24 ; PU. Sel. Agm/0007 Jld. 2.]

ABDUL MAJID BIN OMAR
Pemangku Mufti
Selangor